

Hasrat 10 sekeluarga untuk baca surah Yasin ke atas bapa saudara tidak kesampaian

Tragedi ragut nyawa 3 beranak

kosmo 18/7/2011 11.

Oleh FIRDAUS HASSAN
firdaus.hassan@kosmo.com.my

SERDANG - Hasrat seorang anak saudara untuk membaca surah Yasin ke atas bapa saudaranya yang nazak tidak kesampaian apabila dia bersama isteri dan anak lelaki tunggalnya maut selepas kereta Proton Wira yang dinaiki bersama tujuh lagi penumpang terlibat dalam kemalangan kelmarin.

Kejadian memulakan pukul 11.50 malam di Lebuhraya Utara-Selatan berhampiran susur keluar Serdang menuju ke Seremban, di sini itu mengakibatkan Zulkifle Zainul, 29; isterinya, Nur Nazirah Sungip, 20, dan anak mereka, Mohd. Adam Danis, 2, maut akibat kecederaan parah di seluruh badan dan kepala.

Zulkifle yang merupakan pekerja kontrak di Jabatan Pemasaran, Utusan Melayu (M) Berhad dan anaknya meninggal dunia di tempat kejadian manakala Nur Nazirah menemui ajal di hospital.

Penumpang lain yang menaiki kereta itu, Nur Jumaatun Suhaida, 24; Nor Atikah, 19; Nur Effandi, 17; Khairuddin, 12; Muhammad Amirul Aiman Muhammad Nuralif, 5; Nurul Asyura Darwisyah Abdulllah, 4, dan Nor Syahiratul Shafikah, 4, cedera dan dikejarkan ke hospital.

Nor Atikah dan Khairuddin parah tetapi stabil.

Difahamkan, sebelum kejadian,



SEORANG anggota polis melihat keadaan kereta Proton Wira yang terlibat dalam kemalangan di Lebuhraya Utara-Selatan hingga mengakibatkan Zulkifle, Nur Nazirah dan Mohd. Adam maut kelmarin.

kesemua mangsa dalam perjalanan pulang ke rumah di Bangi untuk mandi selepas melawat bapa saudara Nur Nazirah yang nazak di Hospital Pusrawi di Jalan Tun Razak dekat sini. Selepas itu, mereka berhasrat pergi semula ke situ untuk membaca surah Yasin.

Mengimbau semula kejadian itu, Nur Effandi memberitahu, ketika kejadian dia sedang tidur dan terjaga selepas terdengar jeritan.

Katanya, sebaik membuka mata, dia mendapati kereta yang dipandu Zulkifle berpusing-pusing beberapa kali.

"Kereta itu kemudian telah terbabas ke kiri jalan lalu merempuh sebatang ti-



NUR NAZIRAH dan Zulkifle.



MOHD. ADAM



NUR EFFANDI

ang lampu," ceritanya lagi ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, bapa mentua Zulkifle, Sungip Tomim, 64, memberitahu, dia sedih apabila pertemuannya dengan Zulkifle, anak perempuan dan cucunya di Hospital Pusrawi merupakan yang terakhir.

"Mereka bertolak dari hospital pukul 11.30 malam untuk pulang ke rumah Zulkifle di Bangi bagi menukar pakaian sebelum bercadang kembali ke hospital bagi membaca Yasin untuk adik ipar saya yang juga bapa saudara me-

reka.

"Tidak sampai 30 minit saya dimaklumkan mengenai kejadian itu," katanya dalam nada sebak.



SUNGIP

Ketua Polis Daerah Serdang, Supritendan Abd. Razak Elias ketika dihubungi meminta saksi kejadian untuk tampil bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Jenazah tiga beranak tersebut selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Felda Kemboja Jengka 4, Maran, Pahang.